

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA. PENGGAL KEEMPAT.
PARLIMEN KETIGA BELAS.
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB DATO' JOHARI BIN ABDUL

[SUNGAI PETANI]

TARIKH 15 MAC 2016 (SELASA)

SOALAN

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta PERDANA
MENTERI menyatakan**

- (a) apakah rasionalnya SPAD mengarahkan semua operasi Bas Ekspres berpindah dari Hentian Bas Pudu Sentral ke Terminal Bersepadu Selatan-Bandar Tasik Selatan (TBS-BTS) setelah berjuta ringgit digunakan bagi menaiktaraf Kompleks Pudu Sentral; dan
- (b) apakah alternatif kegunaan Kompleks Pudu Sentral yang kini dilihat begitu lengang dan suram.

JAWAPAN:

YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keputusan pemindahan operasi bas ekspres laluan utara dari Hentian Bas Pudu Sentral (PS) ke Terminal Bersepadu Selatan-Bandar Tasik Selatan (TBS-BTS) adalah diambil setelah hasil penelitian mendapati banyak manfaat yang diperoleh kepada semua pihak.
2. Antara rasional utama adalah bagi mengurangkan kesesakan trafik di kawasan sekitar Pudu Sentral:
 - i. yang disebabkan oleh pergerakan bas keluar masuk Pudu Sentral yang semakin meningkat;
 - ii. bas-bas dua tingkat yang tidak boleh masuk ke dalam Pudu Sentral terpaksa berbaris mengambil dan menurunkan penumpang di Iuar premis Pudu Sentral Hotel Ancasa dengan bilangan ruang terhad;
 - iii. kenderaan lain yang datang bagi aktiviti berkaitan seperti membeli tiket, menghantar dan mengambil penumpang akan meletakkan kenderaan di bahu jalan di sekitar Iuar premis Pudu Sentral; dan
 - iv. kerja-kerja pembinaan projek MRT dan pelebaran jalan sekitar Pudu Sentral yang sedang giat dilaksanakan.

3. Selain itu, kemudahan infrastruktur yang lebih moden di TBS memberi keselesaan kepada penumpang seperti dilengkapi Penghawa dingin, tempat menunggu tertutup bebas dari asap bas dan penumpang terlindung dari faktor cuaca sepenuhnya 24 jam sehari.
4. Para penumpang akan turut menikmati kemudahan pembelian tiket dengan lebih selamat kerana urusan beli tiket di TBS menggunakan sistem tiket berpusat tanpa gangguan dan penipuan oleh 'ulat' tiket serta disokong oleh kawalan keselamatan dari anggota polis bantuan di TBS yang beroperasi 24 jam sehari.
5. Di samping itu, pergerakan orang ramai untuk pergi dan balik adalah mudah kerana TBS disokong dengan perkhidmatan pengangkutan awam bersepadu iaitu ERL, LRT Laluan Ampang, KTM Komuter, bas dan teksi. Tambahan lagi, TBS turut dihubungi dengan jalinan jalanraya yang pelbagai.
6. Hentian Bas Pudu Sentral masih lagi berfungsi sebagai terminal laluan ekspres jarak dekat seperti Seremban, Tanjung Malim, Kuala Kubu Baru dan perkhidmatan bas berhenti-henti bagi laluan Kuala Lumpur-Shah Alam-Banting. Terdapat sepuluh (10) syarikat bas masih menjalankan operasi di Bangunan Pudu Sentral manakala manakala sebanyak 32 agensi Kerajaan di bawah program Pusat Transformasi Bandar Kuala Lumpur (UTC-KL) turut menggunakan Pudu Sentral bagi memberikan perkhidmatan kepada rakyat.

7. Antara langkah-langkah yang sedang dilaksanakan bagi meningkatkan bilangan pengunjung ke Pudu Sentral ialah:

- (a) Memindahkan kaunter perkhidmatan di tingkat 2 ke tingkat bawah;
- (b) Penempatan semula kaunter tiket di lokasi yang berada di tingkat 1 ke tingkat mezzanine bagi membantu aliran pengunjung-pengunjung ke dalam bangunan.
- (c) Menambah ruang letak kereta bagi menampung pengunjung-pengunjung ke UTC-KL di Pudu Sentral;
- (d) Menyusun atur kembali lot perniagaan di dalam Bangunan Pudu Sentral dengan memberi fokus ke arah F&B serta perkhidmatan; dan
- (e) Penyeragaman perkhidmatan bas serta teksi di tingkat *basement* supaya tambahan pengunjung dapat dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

